

KEKOSONGAN JAWATAN

PENOLONG JURUTERA JA5 (KONTRAK BUKAN WARAN) – PROJEK DI PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BIDANG

Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

JAWATAN

Penolong Jurutera JA5

TEMPOH LANTIKAN

Satu (1) Tahun

SPESIFIKASI KERJA

1. Mengendali pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk dan mereka bentuk projek;
2. Menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan;
3. Merekod senarai inventori dan penggunaan peralatan;
4. Menyelia pelaksanaan projek di bengkel;
5. Menyediakan laporan kemajuan projek dan laporan tahunan aktiviti bengkel;
6. Melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyelenggaraan berkala peralatan mesin;
7. Merancang, menyusun dan mengawal selia tugas pengendalian aktiviti projek yang kejuruteraan;
8. Memantau pelaksanaan kerja yang dijalankan, memberi bimbingan dan penerangan tatacara penggunaan peralatan, keselamatan di tempat kerja dan bengkel;
9. Pengubahsuaian projek, pemudahcara dan membantu pelajar dan pensyarah dalam penyediaan aktiviti projek penyelidikan;
10. Membantu melaksanakan perkhidmatan kerja-kerja membaiki, reka bentuk, fabrikasi, ubahsuai yang berkaitan kerja-kerja kejuruteraan; dan
11. Membantu melaksana persediaan pengajaran kursus seperti menjalankan tugas penyediaan bahan dan peralatan untuk pengajaran kepada pelajar serta pengendalian mesin dan instrumentasi.

KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Pemohon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia; dan
- d) Sijil Kejuruteraan **Elektrik & Elektronik atau Mekatronik** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya, atau; **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00)**
- e) Diploma Kejuruteraan **Elektrik & Elektronik atau Mekatronik** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00)**

KRITERIA TAMBAHAN

1. Pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan kejuruteraan elektronik sekurang-kurangnya dua (2) tahun adalah satu kelebihan.
2. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil temu duga.
3. Keupayaan bekerja secara berdikari dan berpasukan dalam persekitaran Universiti.
4. Mampu bekerja di bawah tekanan, mengurus masa dengan baik, serta mempunyai tahap disiplin dan integriti yang tinggi.

IMBUHAN TETAP (BULANAN)

1. Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
2. Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
3. Bayaran Imbuan Sara Hidup : RM350.00

CARA MEMOHON

Sila majukan melalui email butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **30 April 2026** kepada:

**DEKAN
PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
11800 PULAU PINANG
EMAIL : dean_phy@usm.my**

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga